

Penswastaan: Siapa untung

BM 10 OCT 1993

MAHATHIR - PRIVATISATION

SOALAN: Sejauh manakah pencapaian dasar penswastaan sejak ia dilaksanakan. Bagaimana kemajuan yang sudah dicapai?

DR MAHATHIR: Idea bagi penswastaan bukanlah baru. Ia adalah untuk memastikan wujudnya proses agihan kekayaan di kalangan rakyat. Pada awal tahun 60-an dan 70-an, kita memang dapati sukar untuk mendapatkan Bumiputera yang berkelayakan. Hanya ada segelintir Bumiputera yang mengambil bahagian dalam kegiatan perniagaan. Bagaimanapun, di awal tahun 80-an, kita mempunyai ramai Bumiputera yang mempunyai cukup pengalaman bagi mengendalikan projek secara penswastaan.

Melalui penswastaan, kita melakukannya melalui dua tahap. Pertama, melalui langkah memperbadankan sesebuah agensi kerajaan dan kedua, mengswastakan keseluruhan agensi berkenaan. Kita dapati melalui langkah penswastaan itu, mereka yang terbabit mendapat banyak manfaat dan keuntungan. Walaupun pada mulanya golongan pekerja membantah cadangan penswastaan, mereka akhirnya boleh menerima rancangan itu. Mereka diberi peluang membeli saham syarikat yang diswastakan, di samping menikmati bonus dua hingga tiga bulan. Akhirnya, mereka mengeta-

SEDUTAN soal jawab Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan peserta Persidangan Kebangsaan Penswastaan: Cabaran masa depan, anjuran bersama PNB Corporate Development Sdn Bhd dan Persatuan Bank-Bank Saudagar Malaysia, di Kuala Lumpur, kelmarin.

hui bahawa apa yang kita nyatakan adalah benar. Syarikat yang diswastakan memperoleh keuntungan membolehkan kakitangannya menerima gaji lebih lumayan, lebih daripada mereka yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Berikutan itu, ramai kakitangan agensi kerajaan bertanya kenapa mereka tidak diswastakan.

Penswastaan yang dijalankan terbukti berjaya dan kerajaan cuba mengswastakan lebih banyak agensinya di masa depan. Kerajaan juga sentiasa terbuka kepada cadangan. Sektor swasta boleh mencadangkan kepada kerajaan untuk mengswastakan mana-mana agensi kerajaan. Jika idea berkenaan bagus dan wajar diterima, kerajaan akan menilainya. Bagaimanapun, banyak syarikat enggan berbuat demikian kerana takut idea itu dicuri. Kerajaan juga akan memilih cadangan yang pertama dikemukakan.

Kerajaan akan mengswastakan apa saja yang boleh diswastakan supaya

dapat mengurangkan kakitangan perkhidmatan awam. Seperti yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kerajaan berjaya mengurangkan bilangan kakitangan dalam perkhidmatan awam melalui penswastaan yang dilaksanakan. Jika anda bertanya saya, apakah kebaikan dasar penswastaan, jawapannya ialah ia berjaya meningkatkan kecekapan; ia juga mengurangkan kos pengurusan dan membantu memajukan sektor ekonomi keseluruhannya.

SOALAN: Malaysia begitu lantang bersuara di pentas antarabangsa. Tidak kah tindakan itu memberi kesan terhadap pengaliran pelaburan asing ke Malaysia? Apakah reaksi rakyat miskin di luar bandar terhaçap dasar penswastaan?

DR MAHATHIR: Saya rasa pandangan seorang ahli perniagaan berbeza dengan ahli politik. Ahli perniagaan memikirkan keuntungan dan tidak akan melabur jika ia tidak mendatangkan pulangan. Mereka kurang memberi perhatian terhadap apa yang kerajaan lakukan. Kadangkala mereka bersetuju dengan pandangan dan kritikan Malaysia terhadap negara mereka. Yang paling penting di dalam menarik pelaburan asing ialah kestabilan politik.

mengenainya kerana walaupun ia negara kecil tetapi mampu menawarkan kontrak bernilai jutaan ringgit kepada ahli perniagaan asing. Dalam lawatan Perdana Menteri Britain, John Major ke sini baru-baru ini, kita memberi kontrak bernilai kira-kira RM1 bilion. Jika mereka tidak baik dengan kita, kita tidak akan memberikan kontrak. Jadi saya rasa bolehlah kita mengecam mereka. Bagaimanapun, kita masih tidak melebihi batasan kerana saya sentiasa berhati-hati terhadap apa yang dikecam. Kita sudah menyatakan apa yang patut dikatakan sebagai sebuah negara kepada negara yang terbabit.

Mengenai reaksi orang kampung, mereka tidak terjejas dan tidak terlepas peluang menikmati perkhidmatan bermutu apabila penswastaan dijalankan. Malah mereka menerima perkhidmatan yang lebih baik. Misalnya, kerajaan hanya menyediakan RM10 juta untuk mempertingkatkan perkhidmatan telekomunikasi ke kampung tetapi Telekom menyediakan jumlah yang lebih daripada itu. Sehingga kini tidak ada rungutan sebenar dari orang kampung.

SOALAN: Adakah kerajaan akan menukarkan undang-undang bagi menyesuaikan dengan penswastaan?

DR MAHATHIR: Undang-undang digubal dengan mengambil kira pelbagai perkara. Contoh klasik ialah tol, kerana di masa lalu sesiapa yang tidak membayarnya tidak boleh didakwa kerana tidak ada undang-undang membolehkannya. Ketika ini, kita cuba mengadakan undang-undang untuk mengambil tindakan terha-

Banyak orang bertanya bagaimana Malaysia boleh mengawal kestabilan politik. Jawapannya ialah negara mempunyai undang-undang tegas yang dapat mengawal keadaan dalam negara. Sesiapa yang melanggar undang-undang dikenakan tindakan. Aktivis sosial kurang bersetuju dengan pelaksanaan undang-undang itu. Bagaimanapun, pelabur asing di Malaysia tidak pernah membantah mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Ahli perniagaan suka melihat wujudnya kestabilan dan gemar menghadiri seminar berkaitan perniagaan dan bukan perkara lain. Sesetengah aktivis sakit hati terhadap perkara itu kerana mereka mempunyai objektif tertentu di dalam minda mereka. Di Malaysia, kita menggalakkan kesatuan dalaman kerana berpendapat bahawa negara yang mempunyai kesatuan kerja yang terlalu kuat tidak dapat menarik pelaburan besar.

Pelabur di Malaysia boleh berasa selamat daripada mogok atau tindakan yang boleh menjejaskan pengeluaran. Jika rakyat sering merusuh, ahli perniagaan asing tidak akan datang dan melabur di sini.

Adalah lebih baik tinggal dalam sebuah negara yang penuh dengan pelaburan daripada negara yang tidak mempunyai pelaburan langsung kerana kesatuan begitu kuat dan selalu menganjurkan mogok sehingga menjejaskan keharmonian industri. Saya tidak pernah bimbang kemungkinan pengurangan pelaburan ke Malaysia akibat kecaman kita kepada negara asing. Malaysia tidak bimbang

dap pesalah tol walaupun kerajaan sudah tidak mengendalikannya. Kemajuan yang dinikmati ketika ini ialah kerana kita mengalukan cadangan dan bersikap terbuka terhadap orang ramai. Kita dengar dan ambil tindakan jika perlu.

SOALAN: Adakah kerajaan melonggarkan syarat untuk mewujudkan syarikat penerbangan kedua. Adakah ia mempunyai kaitan dengan dasar untuk melonggarkan syarat penerbangan sebagaimana yang dilakukan di Amerika Syarikat dan Eropah?

DR MAHATHIR: Kita perlu mengelak daripada keiruan di antara penganalisis syarikat penerbangan dengan kelonggaran undang-undang. Syarikat penerbangan kedua tidak bermakna kita melonggarkan undang-undang.

Di Amerika mereka mempunyai banyak syarikat penerbangan dan mereka membuat keputusan melonggarkan syarat dan ini menyebabkan banyak syarikat termasuk yang besar dan kecil berlumba-lumba bersaing. Syarikat di sana mula mencari jalan menjimatkan perbelanjaan apabila tidak dapat memperoleh pendapatan walaupun mempunyai aset banyak. Sebab itu selalu ada kapal terbang milik Eastern Airlines yang terhempas kerana mereka gagal menyengarakannya dengan baik.

Dalam persaingan ini ada yang mengurangkan tambang sehingga ada yang tidak dapat mengatasi kos operasi. Syarikat penerbangan yang kecil tidak dapat menanggung kerugian menyebabkan ia akhirnya dinyatakan bankrap. Sebe-

lum kelonggaran industri itu di Amerika banyak syarikat penerbangan memperoleh pencapaian yang baik. Keadaan di sana lebih merupakan kes "siapa yang boleh bertahan lama".

Apabila sesebuah syarikat itu ditutup, ia adalah kerugian kepada negara daripada segi pembayaran cukai dan kepada rakyat daripada segi perkhidmatan. Di Malaysia, kita tidak mahu melihat syarikat menjadi bankrap. Misalnya, syarikat penerbangan kedua boleh terbang ke destinasi yang tidak dilalui oleh syarikat pertama. Ini mengelak mereka daripada bersaing, tetapi tetap tertakluk kepada undang-undang yang sama. Mereka bebas mengenakan tambang yang disukai.

Yang nyata, permintaan untuk menambah syarikat penerbangan ini ialah berdasarkan keperluan perkhidmatan pengangkutan udara. Kita juga tidak bemarkan syarikat kedua ini mengambil laluan syarikat yang ada. Tetapi mereka akan beroperasi mengikut syarat yang ada. Kita membenarkan mereka mengubah kadar tambang kepada kadar yang mencukupi. Langkah untuk mewujudkan syarikat penerbangan kedua ini tidak bermakna kita akan melonggarkan syarat yang ditetapkan dalam industri ini. Ia diwujudkan untuk memenuhi permintaan perkhidmatan yang tidak dapat ditunaikan oleh Malaysia Airline System Bhd kerana dari segi kewangan ia tidak menguntungkan. Kita memerlukan syarikat penerbangan kedua bagi menjalankan perkhidmatan bagi laluan ini.

Kita mengalu-alukan sektor swasta memberi cadangan untuk kita melonggarkan syarat ini. Dasar kerajaan adalah untuk peraturan yang tidak diperlukan tetapi, sektor swasta yang mahukan beberapa industri dikawal peraturannya.

SOALAN: Adakah kerajaan cuba mengurangkan penyertaan asing di dalam penswastanaan?

DR MAHATHIR: Kadangkala kita memerlukan penyertaan asing kerana pen-swastanaan bukan membabitkan kewangan sahaja malah turut mengkehendaki kepakaran teknologi. Misalnya, sistem pembentungan yang dahulunya dikendalikan Majlis Perbandaran akan diswastakan kepada syarikat yang mempunyai penyertaan asing. Sumber kewangan adalah perkara lain sementara kepakaran pula adalah perkara lain pula.

SOALAN: Apakah cabaran yang dihadapi oleh kerajaan di dalam proses pen-swastanaan?

DR MAHATHIR: Pertama ialah untuk menyeragam-

kannya dengan perkembangan ekonomi. Dulu kita hanya mengswastakan perkhidmatan sahaja dan pada 1990, negara menerima RM40 bilion pelaburan asing. Bagaimanapun, kita terpaksa melabur 10 peratus daripada jumlah itu bagi menyediakan infrastruktur seperti menyediakan bekalan air, elektrik, jalan raya serta lapangan terbang. Secara tiba-tiba kita sedar kita kekurangan infrastruktur. Cabaran di sini ialah kita perlu sedar mengenai keperluan itu dan tahu bila untuk bertindak. Kedua ialah inflasi. Ramai berpendapat inflasi tetap berlaku tetapi saya berpendapat sebaliknya. Kita perlu memberi perhatian terhadap inflasi supaya dapat membendungnya ke paras sifar dengan itu mengekalkan dirinya sebagai negara berkos rendah dengan rakyatnya dapat menjalankan kehidupan yang selesa. Selain itu, kos tidak boleh terus naik tanpa sebarang sebab. Misalnya, perkhidmatan hotel mengenakan kadar lebih untuk mengaut keuntungan. Walaupun kita memperoleh pendapatan lebih tetapi kita perlu mengeluarkan kos tambahan seperti bayaran gaji pekerja. Walaupun kita mendapat pendapatan lebih tetapi mungkin ianya tidak bermakna.

Di sini, terdapat banyak perbincangan mengenai menggunakan parti kuasa beli negara (PPP) sebagai kayu ukur untuk membayar dana-dana oleh institusi-institusi kewangan antarabangsa, yang tidak berkesan jika belanja hidup sesebuah negara terlalu tinggi. Misalnya, di Malaysia, "Anda membeli lebih banyak dengan wang yang kurang... Apa yang hebat sangat mengenai pendapatan yang begitu banyak apabila anda hanya membeli begitu sedikit... Di sini, sebiji tembikai berharga RM2 sementara di Jepun, ia berharga RM240.

SOALAN: Tidakkah proses pen-swastanaan hanya memperkayakan golongan tertentu sahaja.

DR MAHATHIR: Apabila kita mengswastakan, sebahagian daripadanya perlu dimiliki oleh Bumiputera. Bagaimanapun, tidak banyak syarikat Bumiputera yang besar serta kukuh. Apa yang kita perlu ialah yang boleh menjadi tonggak, yang mempunyai keupayaan menguruskan aset dan mempunyai kegiatan meliputi seluruh negara. Sesetengah syarikat mungkin disukai oleh kerajaan, bagaimanapun mereka menjual saham mereka apabila diberi. Keseluruhannya, sudah ada ramai orang terabit dalam saham dan memiliki saham sendiri di dalam syarikat berbanding sebelumnya.